



03 NOV, 2023

## Jihad harta Abdul Rahman

Sinar Harian, Malaysia

# Jihad harta Abdul Rahman

**MENYAMBUNG** hujah, Ustazah Shalwati Ramli kemudian menceritakan kisah Abdul Rahman bin 'Auf yang mempunyai jihad harta yang tinggi jika dibandingkan dengan jihad peperangan.

Jelas beliau, sahabat Nabi Muhammad SAW itu bukan calang-calang kerana Abdul Rahman diberi kelebihan oleh ALLAH SWT dengan memiliki kekayaan melimpah-ruah melalui hasil perniagaannya, tetapi semua itu tidak sedikit pun membuatnya lupa diri.

"Malah, beliau sentiasa menafkahkan hartanya ke jalan ALLAH. Saat dikhabarkan beliau antara sahabat yang dijamin syurga, Abdul Rahman begitu berkorbar-kobar untuk bersedekah dan memberikan hartanya untuk jalan ALLAH," katanya.

Sekirahya disingkap satu persatu, tertalu banyak harta yang diinfakkan oleh sahabat Rasulullah SAW itu.

Antara lain beliau pernah menyumbang 40,000 dirham emas, 40,000 dirham perak, 500 ekor kuda dan 1,500 ekor unta untuk keperluan perjuangan menegakkan Islam.

"Meskipun dilimpahi kekayaan, Abdul Rahman hidup secara sederhana sehingga akhir hayatnya. Bahkan beliau menganggap dirinya sebagai pemegang harta ALLAH," katanya sambil menjelaskan bahawa sahabat Nabi itu

**KEHEBATAN** jihad harta Abdul Rahman bin 'Auf begitu tinggi, tetapi beliau sentiasa hidup bersederhana hingga ke akhir hayatnya.  
- Gambar hiasan



sering menjadi pembiaya angkatan perang Muslim dengan membelikan pelbagai senjata dan keperluan jihad.

Sesungguhnya, benarlah infak ke jalan ALLAH merupakan 'jalan' yang memudahkan kita ke jannah.

Andai kita mahu bersedekah, Ustazah Shalwati menitipkan pesanan, biarlah 'tangan kanan hulur, tangan kiri tidak tahu'.

Ketahuilah bahawa sebaik-baik infak adalah yang dibuat tanpa pengetahuan sesiapa kerana ia adalah tarbiah jiwa yang

cukup sukar dilakukan, tetapi hasilnya adalah ikhlas dalam beramal.

"Terus berinfak akan menjadikan hati bertambah suci dan jernih daripada sifat-sifat tercela di samping dapat membersihkan harta yang mungkin tercemar ketika bermuamalah dengan manusia.

"Semoga dengan asbab membelanjakan dan menginfakkan harta ke jalan ALLAH, kita akan tergolong dalam kelompok yang akan masuk ke dalam syurga," untkapnya.

### ANEKDOT

#### Tip jutawan dunia akhirat

- Daripada Abu Hurairah RA bahawa Rasulullah SAW bersabda: *"Kekayaan itu bukan soal limpahan harta benda dunia, melainkan kekayaan sejati adalah kekayaan jiwa."* (Hadis Riwayat al-Bukhari dan Muslim)
- Menjadi fitrah manusia mahu kehidupan yang serba lengkap. Malah, ada yang berhajat untuk hidup dalam keadaan sentiasa bermewah.
- Sesungguhnya kemewahan dunia tiada penghujung. Semakin kita mendapat apa yang dikehendaki, semakin besar keinginan untuk memiliki lebih lagi.
- Hari ini, kita memerlukan jutawan yang berfikir jauh dan pemurah seperti Abdul Rahman bin 'Auf.
- Berikut kriteria yang perlu ada dalam diri Muslim untuk mencapai keredaan dan pahala berganda daripada ALLAH SWT:
  1. Dalam usaha mencari dan mengumpul harta, didik diri dengan sifat qanaah iaitu berasa cukup dengan apa yang kurniaan ALLAH.
  2. Tidak wajar iri hati sekiranya tidak menerima rezeki seperti orang lain walaupun kita sudah berusaha keras untuk menggapainya.
  3. Jadilah hamba yang tahu bersyukur kepada ALLAH. Walaupun tidak memiliki banyak harta, kita tetap tenang, tiada dengki dan tidak tamak kepada harta orang lain.

Sumber: Penolong Pendaftaran Kanan, Universiti Teknologi Mara Cawangan Kelantan, Ustazah Shalwati Ramli